



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### LAWATAN KERJA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA KE UZBEKISTAN DAN RUSIA PERKUKUH KERJASAMA GLOBAL DALAM PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

**PUTRAJAYA, 19 Jun 2025** – YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Fadillah Yusof akan mengadakan lawatan kerja rasmi ke Republik Uzbekistan dan Persekutuan Rusia dari 21 hingga 28 Jun 2025.

Misi lawatan adalah ke arah memperkuuh hubungan dua hala, meneroka peluang kerjasama dalam teknologi tenaga bersih dan air, serta memperluaskan jaringan diplomatik dan perniagaan.

Lawatan ini juga mencerminkan komitmen Malaysia dalam membentuk kerjasama strategik global bagi mendepani cabaran tenaga dan air pada masa hadapan. Ia juga menzahirkan peranan aktif negara dalam meneroka penyelesaian yang berdaya tahan dan lestari melalui perkongsian pengetahuan, teknologi dan pelaburan asing.

Antara pengisian lawatan di Uzbekistan sepanjang 21 hingga 24 Jun 2025 adalah kunjungan hormat kepada Presiden Uzbekistan merangkumi perbincangan hal ehwal dua hala dan usaha memperluaskan kerjasama dalam bidang tenaga dan pembangunan mampan. Selain itu, Mesyuarat Bersama Menteri Tenaga Uzbekistan juga bakal menumpukan kepada perbincangan mengenai kerjasama teknikal dan pelaburan dalam tenaga boleh baharu.

Selain itu, Dato Sri Fadillah akan hadir di Malaysia-Uzbekistan Business Forum 2025 anjuran Malaysia-Uzbekistan Business Alliance, medium yang membuka ruang kerjasama ekonomi dan pelaburan sektor tenaga. Beliau juga dijadual menyampaikan ucaptama di UN Public Service Forum 2025 di Samarkand, berkaitan pengalaman Malaysia dalam transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Seterusnya, sepanjang YAB Dato' Sri Fadillah berada di Rusia pada 25 sehingga 28 Jun 2025, beliau dijadual menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Tenaga Rusia untuk membincangkan kerjasama strategik dalam bidang tenaga. Selain itu, beliau juga dijadual mengadakan lawatan teknikal ke Loji Janakuasa Nuklear ROSATOM di Leningrad bagi meninjau teknologi nuklear terkini dan piawaian keselamatan antarabangsa.

Aktiviti lain di Rusia adalah pertemuan dengan Agensi Pengawalseliaan Nuklear Rusia untuk berkongsi amalan terbaik dalam kawal selia dan operasi. YAB Dato' Sri Fadillah juga akan menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Diaspora Malaysia di Rusia.

Lawatan ke kedua-dua negara ini dijangka memperluas jaringan strategik Malaysia dalam bidang tenaga dan air di peringkat antarabangsa selain mempertingkatkan kefahaman delegasi Malaysia terhadap teknologi tenaga nuklear moden, juga sebagai inisiatif menarik minat pelabur serta memperkuuh kerjasama dan aspirasi Malaysia MADANI melalui pembentukan hubungan dua hala yang konstruktif, seterusnya menterjemah hasrat Malaysia untuk menjadi negara peneraju serantau dalam transformasi tenaga yang selamat, bersih dan berdaya tahan.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** **19 JUN 2025**



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

